

## 12 • Tanggungjawab Sosial UniMAP (USR)



## TANGGUNGJAWAB SOSIAL UniMAP (USR)

Tanggungjawab Sosial UniMAP (*UniMAP Social Responsibility, USR*) memupuk minat warga UniMAP dalam aktiviti kesukarelawanan bagi mewujudkan budaya prihatin dan keakraban UniMAP bukan sahaja dengan penduduk setempat malah antarabangsa tanpa mengira usia dan status. Penganjuran beberapa program dan aktiviti di peringkat nasional iaitu di sekitar negeri Perlis dan beberapa negeri di Malaysia serta di peringkat antarabangsa bagi tahun 2018 meningkatkan imej dan reputasi UniMAP untuk sentiasa relevan dan keterlihatan. Sepanjang tahun 2018, sebanyak lebih 103 program komuniti khidmat masyarakat bertemakan sosial, pendidikan, kesihatan, alam sekitar dan bantuan kemanusiaan telah dianjurkan. Manakala 17 projek penyelidikan translasional dengan tema sosial, pendidikan, alam sekitar dan ekonomi pula telah dijalankan yang memberi manfaat kepada komuniti sejabat.

### Program Tanggungjawab Sosial POTENSI UniMAP (USR) Bertemakan "Nature with Kindness"



Hampir 30 ahli Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (POTENSI) UniMAP yang telah mengadakan lawatan ke rumah Rumah Seri Kenangan Taiping pada 1 Disember 2018 yang lalu. POTENSI menerusi program USR bertemakan "Nature with Kindness" telah mencerikan warga Rumah Seri Kenangan menerusi sesi karaoke, teka lagu P.Ramlee dan sambutan hari lahir. Bersempena program itu, POTENSI turut menghulurkan sumbangan berupa tilam dan bantal selain wang tunai bagi mengubat kerinduan mereka terhadap keluarga. Selain menyantuni Rumah Seri Kenangan, POTENSI turut mengadakan USR di Zoo Taiping iaitu membersihkan kawasan zoo berkenaan di samping mendekati flora dan fauna. Di samping itu, POTENSI mengambil peluang mendaki Bukit Larut yang mempunyai ketinggian 1,036 meter dari paras laut sekaligus memberi pengalaman baharu bagi mereka yang pertama kali mendaki bukit rekreasi yang menjadi tumpuan pelancong itu.

### UniMAP dan Masyarakat Perlis berpisah tiada - Misi "Sekolah untuk Semua" Perlis 2018

Piskanita UniMAP dengan kerjasama 3<sup>rd</sup> Force Perlis, satu badan Bantuan Kemanusiaan Awam Terbesar Di Malaysia sekali lagi telah mengadakan

Misi "Sekolah untuk semua" bagi semua pelajar-pelajar kurang berkemampuan di seluruh negeri Perlis menjelang sesi persekolahan 2019. Bantuan tersebut membabitkan seramai 55 pelajar sekolah rendah dan menengah daripada 22 buah keluarga yang mana kesemua mereka telah dibawa untuk membeli pelbagai kelengkapan sekolah di sekitar Kangar. Setiap pelajar diberikan peruntukan untuk membeli sepersalinan unifom sekolah, kasut, stokin, tudung dan seluar sukan. Suasana sekitar proses membeli-belah tadi amat meriah dan teruja, dengan keseronokan anak-anak mendapat pakaian sekolah baharu. Seramai 13 sukarelawan PISKANITA tampil memberikan bantuan semasa sesi membeli-belah yang berlangsung selama dua hari. Selain bantuan kepada asnaf sekitar Perlis, PISKANITA UniMAP buat julung kalinya juga turut membantu 29 anak-anak staf UniMAP. Sebanyak RM8,273.85 telah dikumpul daripada tabung PISKANITA dan para penyumbang.



### Program KITA. RECYCLE UniMAP 2018

Program KITA.RECYCLE merupakan program kolaboratif dengan pelbagai agensi bertujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan. Berkonsepkan perkongsian sumber, program ini telah melibatkan persatuan alumni sekolah Mahaad Ahmadi, disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi dan pelaksanaan projek dijalankan oleh peserta dan pensyarah daripada Universiti Malaysia Perlis telah berlangsung sewaktu cuti semester



universiti daripada 13 hingga 19 Oktober 2018 di Sekolah agama Maahad Ahmadi, Tanah Merah Kelantan. Kumpulan pasukan peserta pelajar UniMAP ini dianggotai seramai 44 orang pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan ialah mengecat dan melukis mural di dinding tandas dan dinding kantin sekolah, mengemas dan membina rak kayu di stor serta mengecat dan memasang pintu di tandas lelaki. Projek ini dijangka akan diperluaskan dan diteruskan lagi pada tahun-tahun yang akan datang semasa cuti semester mahasiswa/mahasiswi universiti.



### Program Kembara Kemboja Khidmat Masyarakat dan Pendidikan



Pada 2-5 APRIL 2018 yang lalu, satu Program Kembara Kemboja Khidmat Masyarakat dan Pendidikan telah diadakan melibatkan program baktisiswa di Kampung Po' Tian dan lawatan ke Kedutaan Besar Malaysia di Kemboja. Selain itu, program ini mewujudkan kerjasama pendidikan dan penyelidikan dengan pihak National Technical Training Institute (NTTI) di

Kemboja. Delegasi UniMAP juga berpeluang untuk mempromosikan program pascasiswazah peringkat Sarjana dan PhD kepada para pelajar di NTTI. Lawatan ini telah membuka kerjasama dua hala dan memberikan impak kepada institusi masing-masing sambil bertukar ilmu pengetahuan dan kepakaran.

### Program JEJAK BAKTI (JAKTI) 1.0

Pada 4 April 2018 yang lalu satu Program Jejak Bakti (JAKTI) 1.0 telah dianjurkan oleh Kelab Gyrosociety PPK Pembuatan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP, Kelab Kelana Knight Rovers "K" Kubang Pasu dan Majlis Pengakap Kelana Daerah Kuala Muda. Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi antara peserta dan mendekati Anak-anak Yatim & Miskin Baitul Ehsan di daerah Kubang Pasu serta memberikan sumbangan almari kepada mereka.



### Kelas Bahasa Inggeris Penghargaan Buat Tentera

UniMAP, melalui Pusat Bahasa Antarabangsa (CIL) telah menganjurkan Kursus Bahasa Inggeris kepada pasukan keselamatan Malaysia pada 19 Oktober yang lalu di Kampus Alam UniMAP Pauh Putra. Kelas yang berlangsung selama lima hari itu disertai seramai 50 anggota tentera daripada pelbagai peringkat campuran Askar Infantri dan Bantuan Khidmat kawasan utara bermula 15 hingga 19 Oktober di Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra yang melibatkan lapan staf CIL termasuk seorang staf antarabangsa. Sesi pembelajaran memberi tumpuan kepada kemahiran pertuturan, pendengaran dan kerja berkumpulan, supaya dapat membantu pegawai tentera melaksanakan misi dengan lebih efisien dan efektif. Program kerjasama dua hala antara UniMAP dan tentera ini merupakan kali kedua diadakan selepas program yang julung kali diadakan pada Jun tahun lalu. Ini merupakan satu pengalaman baharu tentera untuk belajar bersama pensyarah universiti sebagai persediaan untuk latihan bersama

anggota tentera luar seperti Australia, Amerika Syarikat, dan operasi di sempadan Thailand dan Sabah di mana latihan bersama anggota tentera dari negara luar menuntut anggota tentera untuk berkomunikasi menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Melayu.



### Yayasan Tuanku Syed Putra Mahu Kumpul Dana Sebanyak RM5.5 Juta Lagi Untuk Bina Pusat Autism Pertama Di Perlis

Tuanku Syed Putra Foundation yang juga dikenali sebagai Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) berhasrat untuk mengumpul dana tambahan sebanyak RM5.5 juta lagi untuk membina sebuah pusat autism bagi komuniti di Perlis, kemudahan pertama seumpamanya di negeri tersebut. Pusat tersebut akan memberi manfaat kepada golongan yang mengalami autism di wilayah utara untuk membina masa depan lebih cerah. Melalui kerjasama dengan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sejak dua tahun lalu, inisiatif Hab Sumber Pendidikan dan Latihan Autism (A-HEART) telah dibentuk dan berjaya mengumpul dana sebanyak RM500,000 untuk membina sebuah pusat autism kanak-kanak di kampus UniMAP. Kini, Pusat Autism A-HEART UniMAP mahu membina sebuah pusat yang lebih lengkap untuk membantu golongan yang memerlukan. YTSP kini menasaskan untuk mengumpul dana sebanyak RM6 juta dalam tempoh tiga tahun demi merealisasikan impian tersebut.

Pada 19 Julai 2018 yang lalu, UniMAP berbesar hati kerana Acts One Group Inc. memberikan sokongan bagi membantu menjadikan impian membina sebuah pusat autism yang lengkap satu realiti tidak lama lagi. Bank Rakyat juga telah menganjurkan Karnival Bank Rakyat-A-Heart Autismlympic 2018, satu acara sukan yang unik untuk menggalakkan pelajar-pelajar autism bersukan. Pada Februari tahun ini, YTL telah menyumbang sebanyak RM100,000 kepada YTSP. Tahun lalu, Bank Rakyat sekali lagi menganjurkan 'Bank Rakyat-A-HEART Rainbow Walk' yang menyaksikan 1,398 peserta terdiri daripada

kanak-kanak daripada rumah anak-anak yatim dan pelajar universiti meraikan Bulan Kesedaran Autism Kebangsaan. Acts One Group Inc. juga merupakan penaja korporat YTSP untuk majlis makan malam penghargaan *GOLD A-HEART Fundraising* bagi Pusat Autism A-HEART UniMAP yang diadakan pada 19 Oktober 2018 di Shangri-La Hotel Kuala Lumpur.



### Program Communicative English Course Kongsi Kepakaran Akademik Dengan Thailand

UniMAP terus meningkatkan keterlihatan universiti di rantau ASEAN menerusi Program *Communicative English Course* dengan kerjasama Nakhon Pathom Rajabhat University (NPRU) Thailand. Program di bawah kendalian Pusat Bahasa Antarabangsa (CIL) UniMAP itu menerima 20 pelajar Pusat Pengajian Kemanusiaan NPRU dan berlangsung selama 21 hari bermula 28 Jun lalu sehingga 18 Julai 2018. Program ini menyerlahkan UniMAP di rantau ASEAN melalui kerjasama kepakaran akademik dalam bidang bahasa Inggeris di samping mendedahkan para pelajar kepada kemahiran komunikasi dan budaya Melayu. Di samping itu, ia juga sebagai mengukuhkan hubungan kerjasama kedua-dua universiti selain bertindak sebagai saluran untuk pengembangan dan penguatan ASEAN dalam meningkatkan nilai perkongsian ilmu di rantau ini.

Selain sesi dalam kelas, pelbagai aktiviti lain seperti lawatan akademik ke Pulau Langkawi, Pulau Pinang dan Alor Setar selain mereka berpeluang menimba pengalaman mempelajari



budaya Melayu melalui aktiviti masuk kampung yang diadakan di Kampung Pulau Pisang, Jitra. Tambahan lagi, para pelajar NPRU juga perlu mengikuti sesi kelas bahasa Melayu yang diajar guru bahasa CIL dan tarian Melayu bimbingan artis budaya Unit Kebudayaan & Rekreasi (UKR) UniMAP. Pengalaman mempelajari bahasa dan tarian Melayu ini sangat menyeronokkan dan ini merupakan satu pengalaman baharu yang tidak akan diperolehi di Thailand.



### Raja Muda Perlis Lancar iVCORE MASTI Ke Thailand

Raja Muda Perlis merangkap Tuanku Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan melancarkan Projek Antarabangsa: Kesukarelaan & Tanggungjawab Sosial Korporat (iVCORE) di Kampus UniMAP pada 12 Julai 2018 yang lalu. Projek julung kalinya diadakan ke peringkat antarabangsa berkenaan merupakan anjuran Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) melalui Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (POTENSI) UniMAP. Hasrat MASTI melebarkan sayap bantuan kemanusiaan ke Thailand amat disokong malah Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) turut memperuntukkan bantuan RM10,000 bagi membantu asnaf di sana.

Pada kali ini MASTI menerusi POTENSI berhasrat melebarkan lagi bantuan kemanusiaan bagi peringkat antarabangsa dengan memilih Kampung Khokkek di Chana, Thailand mulai 12 hingga 15 Julai. Dua aktiviti utama ialah sumbangan dan pembinaan sekolah di masjid selain aktiviti sukan

serta motivasi bersama anak-anak yatim Sekolah Santiwit di daerah berkenaan. Selain MAIPs, iVCORE turut mendapat sumbangan daripada pelbagai pihak seperti Persatuan di Universiti Awam (UA) masing-masing yang disertai hampir 50 peserta bagi menjayakan bantuan kemanusiaan itu. Di samping bantuan kemanusiaan itu, MASTI turut mengadakan lawatan dan perbincangan bersama pentadbir Prince Of Songkhla University (PSU) bagi bertukar-tukar idea berkaitan tugas pentadbir universiti serta mengukuhkan hubungan sedia ada.



### PPK Bioproses Bantu Asnaf Menjelang Aidilfitri

Bersempena dengan kehadiran Aidilfitri yang lalu, Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Bioproses, UniMAP telah turun padang bagi membantu tiga keluarga asnaf. Program Jejak Asnaf yang dianjurkan setiap tahun bersempena Ramadan itu, bertujuan bagi meningkatkan kesedaran tentang amalan bersedekah, membantu meringankan beban keluarga asnaf dan untuk lebih mendekati masyarakat setempat di kalangan staf. Antara bantuan yang diberikan berupa barangan keperluan asas seperti beras, gula, minyak, tilam, bantal, pakaian beserta wang tunai. Sumbangan ini adalah hasil sumbangan staf PPK Bioproses. Lebih manis lagi, pada program itu juga, mereka dapat membantu seorang pelajar yang telah menolak tawaran ke Program Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Metalurgi) UniMAP kerana kekangan kewangan. Hasil daripada usaha Jawatankuasa Jejak Asnaf, mereka telah berjaya, membantu pelajar ini mendapatkan bantuan

pelajaran daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). PPK Bioproses juga telah melancarkan tabung derma kilat dan rayuan kemasukan semula ke program diploma tersebut dan pelajar tersebut telah mendaftar sebagai pelajar UniMAP pada ambilan kedua pada 25 Jun yang lalu.



### Sebanyak 7,388 Beg Darah Sumbangan Warga UniMAP Sejak 2010

Majlis Perasmian Kempen Derma Darah sempena Minggu Derma Darah Mahasiswa Prihatin Universiti Awam (UA) peringkat UniMAP di Kolej Kediaman Tunku Abdul Rahman telah berlangsung pada 16 Mei yang lalu. Keperluan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menganjurkan kempen derma darah dua kali sebulan berjaya menyumbang lebih tujuh ribu beg darah kepada pusat-pusat pendermaan darah. Jumlah itu yang terhasil sejak 2010 sehingga April tahun ini menjadikan UniMAP menerima beberapa anugerah penghargaan seperti Penganjur Kempen Derma Darah Paling Aktif Peringkat Wilayah Utara pada 2013 dan 2014.

Selain penghargaan dari Pusat Derma Darah Wilayah Utara, UniMAP turut menerima penghargaan daripada HTF di atas sumbangan universiti tersebut sebelum ini sempena Hari Derma Darah Sedunia pada 2016. Seramai 2,052 warga UniMAP turut mendaftar untuk menderma darah namun selepas disaring, mereka tidak berjaya menderma kerana tidak memenuhi kriteria menderma darah yang ditetapkan. Namun, seramai 10 mahasiswa merupakan penderma darah paling aktif melebihi 10 kali dengan kekerapan tertinggi dicatatkan

ialah 28 kali sebagai tanda prihatin terhadap keperluan masyarakat khususnya di negeri ini yang memerlukan 160 beg darah seminggu dan 8,000 darah setahun. Sesungguhnya sumbangan warga UniMAP ini amat bernilai dan diharapkan menerusi kempen ini, lebih ramai warga UniMAP mendaftar untuk menderma darah. UniMAP telah menganjurkan kempen berkenaan dengan kerjasama Jabatan Patologi HTF pada 14 dan 16 Mei sempena Minggu Derma Darah itu yang membabitkan 20 UA di seluruh negara.



### USR CGS UniMAP Ceriakan Murid Pendidikan Khas Sk Putra

Prihatin dengan murid-murid program pendidikan khas integrasi masalah pembelajaran (PPKIBP) di Sekolah Kebangsaan (SK) Putra, Pusat Pengajian Siswazah (CGS) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menganjurkan program tanggungjawab sosial universiti (USR) di sekolah itu pada 25 April yang lalu. Program USR 'Menambahbaik Lanskap dan Kelas PPKIBP' itu membabitkan hampir 100 pelajar doktor falsafah (PhD) UniMAP, staf CGS, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) serta murid program berkenaan. Pendedahan mengenai kemahiran kepada murid-murid sekolah harus dititikberatkan sejak mereka di sekolah rendah yang kemudiannya akan dibawa ke peringkat seterusnya bagi menggerakkan kemajuan negara di masa akan datang.

Seorang pelajar antarabangsa dari Nigeria yang kini mengikuti PhD di Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) UniMAP, Miftahu Idris berkongsi pengalaman pertamanya



menyertai program USR dan teruja dapat bergaul dengan murid-murid sekolah yang terdiri daripada pelbagai kaum. Selain gotong-royong mencerikan halaman sekolah, turut diadakan lukisan mural bersama Kelab Pelukis Negeri Perlis bagi mencerikan murid-murid istimewa sekolah itu serta sukaneka bersama murid-murid PPKIBP. Malah, beberapa individu perseorangan dan pusat tanggungjawab di UniMAP turut memberi sumbangan berupa alat tulis kepada mereka.

### UniMAP Jalin Kerjasama Kejuruteraan Berkaitan Tentera Sempena DSA 2018



UniMAP adalah antara institusi pendidikan yang terlibat secara langsung sempena Persidangan Pertahanan Asia (DSA) 2018 ke-16 dan Pameran Keselamatan Kebangsaan Asia (NATSEC) 2018 yang diadakan pada 17 April 2018 di Pusat Pameran & Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC). UniMAP mengambil peluang menjalinkan kerjasama dalam bidang kejuruteraan berkaitan ketenteraan dengan syarikat Empayar Paradiqma Sdn Bhd menerusi upacara menandatangani surat hasrat (LoI) sempena persidangan itu. Kerjasama itu jelas membuktikan impak pembangunan dan penyelidikan (R&D) bukan hanya di peringkat akademik sahaja malah merentasi pelbagai fungsi dan bidang. Kerjasama strategik ini bakal memberi kesan secara langsung kepada mahasiswa UniMAP khususnya dalam konteks kebolehpasaran graduan dapat ditingkatkan. PPK Pembuatan UniMAP diberi tanggungjawab bagi menyemarakkan kerjasama itu dalam usaha keterlihatan UniMAP di peringkat antarabangsa.

### INEE Beri Pendedahan Bidang Kejuruteraan Nano Kepada Pelajar Sekolah

Bagi memberi pendedahan dalam bidang kejuruteraan nanoteknologi, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menyertai pameran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) pada 11 April yang lalu. Pameran berkenaan diadakan di Sekolah

Menengah Kebangsaan Ayer Hitam, sempena Minggu STEM dan Kerjaya 2018 anjuran sekolah berkenaan. Selain pameran, pasukan INEE turut mengadakan aktiviti kuiz dan taklimat kerjaya bersama kira-kira 300 pelajar tingkatan tiga hingga lima sekolah itu. Inisiatif menyertai pameran itu diambil agar generasi muda diberi pendedahan lebih awal mengenai kejuruteraan nanoteknologi. Pendedahan kepada pelajar sejak mereka sekolah lagi wajar dilakukan agar apabila mereka ke universiti, mereka sudah mengetahui dengan lebih meluas mengenai kejuruteraan, khususnya kejuruteraan biosensor dan nanoelektronik. Selain SMK Ayer Hitam dan UniMAP, SMK Tanjung Pauh dan SMK Mahawangsa turut menjayakan pameran berkenaan.



### Huzili Hussin Dilantik Sebagai Pakar Rujuk JKM



Dekan Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof. Madya Dr. Huzili Hussin telah dilantik menjadi pakar rujuk Bahagian Kaunseling dan Psikologi, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) Perlis berkuatkuasa serta merta pada 11 April 2018. Ini adalah selaras dengan perancangan strategik JKM 2017 yang menggariskan beberapa perancangan bagi menyebarkan perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada komuniti dan seiring dengan prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Huzili yang dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Sains Malaysia mempunyai kepakaran dalam psikologi kaunseling dan sub bidangnya adalah *Cognitive Behavioral Therapy Intervention*.

### Program Memperkasa Bahasa Melayu Wilayah Andaman 2018 PBA, UniMAP-Sekolah Fahad Wittayathan



Program memperkasa bahasa Melayu anjuran Pusat Bahasa dan Antarabangsa (CIL) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di wilayah Phangnga selatan Thailand terus mendapat sambutan menggalakkan dari sekolah-sekolah di wilayah itu sejak 2015. Ini jelas terbukti apabila salah sebuah sekolah di wilayah itu iaitu Sekolah Fahad Wittayathan serius memperluaskan bahasa Melayu dengan menjadikan subjek itu sebagai subjek teras kurikulum di sekolah mereka sekaligus mahu menjadikan sekolah itu sebagai pusat sehati pendidikan bahasa di wilayah berkenaan. Seramai empat guru bahasa terlibat bagi program yang memasuki fasa keenam itu bermula 10 hingga 14 Januari lalu. Sekolah Fahad Wittayathan adalah sekolah angkat UniMAP kini telah melaksanakan sukatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di sekolah mereka yang melibatkan pelajar tahun 1 hingga tahun 6 sebagai subjek kokurikulum. Selain UniMAP, program kali ini turut mendapat perhatian dan penglibatan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis dan Politeknik Syed Sirajuddin (PTSS).

### Pensyarah UniMAP Terpilih Program CSR Sains Pengkomputeran

Tiga pensyarah UniMAP berjaya terpilih sebagai Jurulatih Utama (*Master Trainer*) bagi memberikan latihan kepada 100 guru-guru sekolah di seluruh negeri ini. Mereka adalah Dr Syed Zulkarnain Syed Idrus dan Dr Wan Nor Ashiqin Wan Ali dari Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan

Teknokomunikasi (iKOM) serta Dr Hasnah Ahmad dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan (PPKKP) UniMAP.

Program berkenaan adalah salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan UniMAP bagi mengintegrasikan modul pemikiran komputasi dan sains pengkomputeran ke dalam kurikulum sekolah. Menerusi program itu, UniMAP turut dipilih sebagai pusat kursus pengembangan Profesional (Continuous Professional Development) berdasarkan saranan industri untuk meningkatkan kesediaan pendidik. Pusat itu berperanan bagi program Sijil Pengajaran Sains & Komputer untuk guru di negeri Perlis serta meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru dalam pengajaran sains komputer.

### PROGRAM LIMPAPAN KASIH UniMAP 2018

Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti (IKRK), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs), Mini RTC Kok Klang dan Kampung Balik Guar, Chuping, Perlis telah menjayakan Program Limpahan Kasih UniMAP yang turut berangkat bercemar duli DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis pada 21 Januari 2018 (Isnin). Program bersama rakyat ini melibatkan penyertaan 500 orang penduduk yang terdiri daripada penduduk Kampung Balik Guar dan Penduduk Kampung Kok Klang serta dimeriahkan lagi dengan kehadiran dan kerjasama oleh Ketua-Ketua Jabatan Negeri Perlis Ketua-Ketua Jabatan UniMAP, Staf dan Pelajar UniMAP. Aktiviti Program Kayuhan Limpahan Kasih UniMAP dimulakan dengan senam ria yang diketuai oleh Instruktur Pusat Sukan UniMAP. Perasmian *University Community Transformation Center* (UCTC) di Mini RTC Kok Klang telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis. Seterusnya, bersama DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis bertindak melepaskan (*Flag Off*) peserta kayuhan yang diketuai oleh Canselor UniMAP.

Beberapa aktiviti telah diadakan di Mini RTC Kok Klang bersama DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis antaranya aktiviti menjahit, permainan tradisional batu seremban, program memasak dan kelas solekan. Naib Canselor UniMAP telah menyampaikan sumbangan solar kepada Surau Kampung Balik Guar, Chuping sambil disaksikan oleh bersama DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis. Menurut Naib Canselor, Teknologi Panel Solar dipilih kerana



ia ada banyak kebaikan seperti mesra alam serta sumber tenaga boleh baharu yang paling berpotensi untuk menjana elektrik bagi rumah kediaman. Tenaga solar amat sesuai diletakkan di pusat pemindahan banjir sebagai satu alternatif bekalan elektrik sekiranya pencawang elektrik ditenggelami air sehingga menyebabkan gangguan bekalan elektrik. Pemilihan surau juga bertepatan kerana kawasannya yang strategik dan luas akan memudahkan orang ramai berkumpul apabila berlaku kecemasan.



### Program Finland Early Childhood Education

Pada 31 Disember 2018 yang lalu, satu sesi Perkongsian Ilmu bertajuk "Knowledge Sharing: Finland Early Childhood Education" oleh Ms. Darlene Koskinen bertempat di Tadika Pewaris Generasi UniMAP Satu, Taman Mewah Kangar Perlis. Ms Darlene merupakan seorang Pengasas dan Pemilik MoovKids.com, MoovKids Teaching Studio & Kids Fitness Karate Club, dari Helsinki Finland dan berpengalaman selama lebih 20 tahun dalam pendidikan awal kanak-kanak mengikut peringkat umur. Seramai 60 orang pengusaha Tadika dan Taska sekitar negeri Perlis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, KEMAS dan individu perseorangan termasuk staf UniMAP telah menyertai program ini. Acara dimulakan dengan sesi beramah mesra Penceramah bersama kanak-kanak Tadika Pewaris Generasi UniMAP Satu Kangar. Ms Darlene menunjukkan kaedah pembelajaran interaktif di mana pengajaran lebih bertumpu kepada kaedah belajar sambil bermain supaya kanak-kanak lebih fokus terhadap pembelajaran dan tidak mudah bosan. Selain itu, Ms. Darlene juga menyampaikan ceramah tentang sistem pendidikan awal kanak-kanak yang diterapkan di Finland supaya boleh menjadi contoh untuk diketengahkan di dalam sistem pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Semoga sesi perkongsian ilmu anjuran bersama memberi manfaat buat semua masyarakat Perlis khususnya pengusaha Tadika atau Taska supaya melahirkan generasi anak-anak yang aktif.

### Evergreen Memories



Program ini diadakan adalah bertujuan untuk melestarikan kampus utama UniMAP dengan menanam sebanyak 200 anak pokok hutan yang terdiri daripada 4 jenis anak pokok iaitu Kiat, Mahagani, Kaya, dan Karas. Di samping itu juga, para pelajar tahun akhir PPK Pembuatan yang menyertai program ini dapat memahat kenangan mereka dengan meletakkan tanda nama mengikut urutan yang ditetapkan pada anak-anak pokok tersebut. Program ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Naib Canselor UniMAP, Ybhg Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal.



AktivitiUSR lain yang telah dianjurkan sepanjang tahun 2018 oleh Pusat-pusat Tanggungjawab (PTj) UniMAP adalah seperti berikut. Aktiviti atau program terbahagi kepada Program Khidmat Komuniti dan Penyelidikan Translational.

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI		
PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Pemeriksaan Kesihatan Sempena Program Limpahan Kasih UniMAP	21 Januari 2018 (Ahad) Kampung Balik Guar, Chuping Perlis	Pusat Kesihatan UniMAP turut menjalankan tanggungjawab sebagai Universiti Awam yang prihatin terhadap komuniti penduduk Kampung Balik Guar, Chuping. Ini menunjukkan warga UniMAP membina imej yang dinamik dan prihatin.
Program Khidmat Masyarakat Vietnam 2018	12-17 Februari 2018 Daerah Tan Chau, Tay Ninh dan Daerah Xuan Luc, Dong Nai, Vietnam	Program Pusat Kesihatan UniMAP dengan kerjasama Majlis Kesihatan Universiti Awam Malaysia (MAKESUM) telah mengatur keupayaan dan kesepakatan untuk melaksanakan khidmat kesihatan sebagai tanggungjawab sosial di peringkat global kepada masyarakat Daerah Tan Chau, Tay Ninh dan Daerah Xuan Luc, Dong Nai di samping meningkatkan kemahiran klinikal dan pengurusan peserta serta beribadah.
Majlis Pelancaran Third Force IPTA Cawangan UniMAP Perlis (THIRDFORCE UniMAP)	24 Februari 2018	Majlis Pelancaran Third Force IPTA Cawangan UniMAP Perlis anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik (PPKSE) dengan kerjasama 3rdForce UniMAP bersama Jab HEPA UniMAP dan 3rdForce Perlis. Objektif majlis ini adalah menyediakan pasukan sukarelawan di kalangan pelajar UniMAP mahupun staf-staf UniMAP khasnya untuk meningkatkan semangat patriotik yang tinggi serta berkemampuan memberikan perkhidmatan pada bila-bila masa dan dimana-mana. Menyediakan individu sukarela secara berpasukan yang berkebolehan serta memberikan perkhidmatan sukarela kepada masyarakat setempat atau warga UniMAP. Melalui pasukan Sukarelawan ini dapat meningkatkan perhubungan antara pelajar-pelajar serta staf-staf UniMAP dengan NGO tempatan yang terdiri dari pelbagai kaum dalam mengembeling tenaga sukarela sebagai tugas kebajikan. Di samping memberi pendedahan dan semangat kepada pelajar dan staf dalam kehidupan seharian yang kian mencabar. Ini juga dapat memupuk semangat dan menerapkan nilai positif kepada pelajar dan staf di UniMAP serta membina semangat bekerjasama dan kesukarelaan antara mahasiswa dengan masyarakat.
Program Motivasi Universiti Pendidikan Sultan Idris : Pemikiran Positif Pemangkin Kecemerlangan Diri.	17 Mac 2018	Pusat Sukan UniMAP dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sukan Idris (UPSI) mengadakan program Motivasi memberi pendedahan awal tentang sukan untuk para atlit tentang aspek disiplin, kepimpinan dan kemasyarakatan.
Program Sentuhan Kasih	17 Mac 2018 Kg. Pulau, Jalan Padang Mentah, Simpang Empat, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP menjalankan aktiviti gotong-royong bersama penduduk kampung.
Sentuhan Kasih	24 Mac 2018 Sek. Keb. Panggau , Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP memberi sumbangan tenaga kepada pihak sekolah untuk menceriakan kawasan sekolah.
Program Khidmat Masyarakat Chiang Mai, Thailand.	02 - 06 April 2018, - Madrasah Tahfiz Al-Quran, Pathalong - Kampung Mae Pham, Cheng Dao - Chiang Mai; Masjid Darul Muhajireen, Praghup Khiri Khan	Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) dengan kerjasama Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik dan Kolej Kediaman UniMAP menganjurkan program Khidmat Masyarakat Chiang Mai, Thailand yang bertujuan untuk mengenali masyarakat minoriti Islam di Thailand serta membantu meringankan beban dengan memberi sedikit bantuan keperluan harian kepada masyarakat di sana.
Kem Pemuafakatan Pemimpin Kolej-Kolej Kediaman UniMAP - UTHM dan Khidmat Masyarakat	5-8 April 2018 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kampung Parit Raja	Pelajar-pelajar daripada Majlis Penghuni Kolej Kediaman (MPKK) UniMAP Kolej-Kolej Kediaman, UniMAP dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan JKKK Kampung Parit Raja telah mengadakan Kem Pemuafakatan Pemimpin Kolej-Kolej Kediaman UniMAP - UTHM dan Khidmat Masyarakat yang bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang cara corak kepimpinan Kolej Kediaman UTHM. Mereka berkongsi pendapat dan cara mengendali dan mengatasi permasalahan di Kolej Kediaman. Melalui kem ini mereka juga dapat mengeratkan hubungan di antara UniMAP dengan UTHM di samping mempelajari budaya kehidupan masyarakat di daerah Batu Pahat, Johor. Dengan Menyumbang tenaga dan kepakaran dalam aktiviti motivasi di sekolah dan aktiviti gotong royong bersama masyarakat, pelajar-pelajar dapat meningkatkan kemajuan diri dan kerjaya di masa hadapan.
Khidmat Masyarakat	21 April 2018 Asrama Teratak Rahmat, Pusat Pengajian Al-Islah, Mata Ayer, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP menerapkan rasa simpati, kasih sayang kepada golongan kurang bernasib baik.
Program Pengumpulan Barang Yang Boleh Dikitar Semula	21 April 2018 Kampung Wang Besar, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP mengajar tentang cara yang betul untuk mengasingkan sisa-sisa makanan.
Program Kitar Semula	21 April 2018 Kampung Padang Telela, Pauh, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP membuka minda masyarakat untuk lebih menyayangi alam sekitar.



PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI		
PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Program Pendedahan Pengasingan Sisa Pepejal Isi Rumah	21 April 2018 Kampung Kurong Batang, Kangar, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP melatih para penduduk kampung untuk menyelaraskan sistem pembuangan sisa pepejal isi rumah.
Khidmat Masyarakat	28 April 2018 Felda Mata Ayer, Padang Besar, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP memberi pendedahan/pemahaman bagi meningkatkan kesedaran tentang kebersihan persekitaran.
Karnival Autismlympic Bank Rakyat - A-HEART	6 Mei 2018 & Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Kampus pauh Putra	Program anjuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra UniMAP dengan kerjasama Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Jabatan Pendidikan Negeri Perlis dan National Autism Society of Malaysia (NASOM) yang menasaskan Anak-anak autisme di Pusat Pendidikan Khas yang berusia di antara 9-15 tahun, Anak-anak autisme di sekitar Kedah dan Perlis. Karnival ini turut berangkat DYTU Tuanku Raja Muda Perlis & DYTU Tuanku Raja Puan Muda Perlis, Pegawai Utama & Ketua Jabatan, Wakil Pengurusan Bank Rakyat, Sukarelawan A-HEART dan Pelajar Kokurikulum UniMAP, Guru-guru pendidikan khas dan Anak-anak istimewa (autisme). Karnival ini diadakan bagi meningkatkan perkembangan sosial anak-anak autisme melalui komunikasi dan interaksi dengan individu dan kumpulan lain, meningkatkan hubungan kekeluargaan dan mengukuhkan sistem sokongan keluarga dan masyarakat kepada anak-anak autisme serta memanfaatkan aktiviti fizikal dan latihan sebagai terapi kepada anak-anak autisme. Di samping juga memperkenalkan pelbagai sistem sokongan lain dalam masyarakat kepada anak-anak autisme, kumpulan perubatan, keselamatan dan sebagainya.
Program Tautan Kasih Ramadhan 2018	30 Mei 2018 bertempat Pusat Kebajikan Anak Yatim Perlis	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniMAP telah mengadakan Program Tautan Kasih Ramadhan 2018 untuk berkongsi kegembiraan dengan berbuka puasa bersama anak Yatim di Rumah Kebajikan serta memberi sumbangan hasil kutipan daripada mahasiswa UniMAP. Program ini turut hadir oleh Profesor Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (HEPA), UniMAP.
National Science Challenge 2018 (Peringkat negeri Perlis)	13 Julai 2018. Dewan Kecemerlangan UniMAP	Program ini dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Akademi Sains Malaysia, Exxon Mobil dan Young Scientist Network Malaysia telah dirasmikan oleh Prof. Ir. Dr. Hj. Rezuwan bin Hj. Kamaruddin TNC (A&A) yang mewakili Dato' Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal. Sasaran program kepada pelajar-pelajar sekolah rendah sekitar negeri Perlis bagi meningkatkan pengetahuan pelajar dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.
Program Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN TAHUN 2018	14 Julai Hingga 15 Ogos 2018 bertempat di Negara Vietnam	Melalui HEPA UniMAP, pelajar UniMAP yang terpilih dalam program Yayasan Sukarelawan Siswa dengan penglibatan sukarelawan daripada seluruh institusi pengajian tinggi di Malaysia merasai pengalaman dan memberi ruang kepada pelajar tersebut untuk menjalankan Misi Sukarelawan Antarabangsa.
Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Kebangsaan, Zon Utara	8-10 Ogos 2018. Kampus Unicity, UniMAP	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) dengan kerjasama Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM), Kementerian Kesihatan Malaysia (MoH) dan beberapa Universiti-universiti Awam telah mengadakan Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Kebangsaan bagi pelaja-pelajar sekolah menengah sekitar negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Program ini dirasmikan oleh Prof. Ir. Dr. Hj. Rezuwan bin Hj. Kamaruddin TNC (A&A) yang mewakili Dato' Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal. Tujuan program ini untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan secara berterusan di bawah pengurusan Jawatankuasa Pendidikan, Latihan dan Penerangan Awam (JKPLPA) UNESCO-IHP Malaysia. Di samping menjelaskan peranan pengurusan sumber air mengikut bisnes utama agensi masing-masing.
Misi Sukarelawan Antarabangsa MASKUM UniMAP-USU di Medan, Indonesia	3-6 September 2018 bertempat di Medan Indonesia	Sebanyak 30 orang terdiri daripada MPP UniMAP, Sukarelawan UniMAP dengan kerjasama Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia telah mengikuti Misi Sukarelawan Antarabangsa MASKUM UniMAP-USU untuk merancang dan melaksanakan misi sukarelawan antarabangsa serta dapat membantu mangsa dari aspek pemuliharaan daripada bencana gunung berapi.
Program Jelajah Sahur UKR UniMAP	6 September 2018 di Seluruh Negeri Perlis yang terpilih	Program Jelajah Sahur Unit Kebudayaan dan Rekreasi UniMAP diadakan bagi mengeratkan silaturrahim antara kakitangan Unit Kebudayaan dan Rekreasi UniMAP dan penggiat seni Perlis. Melalui program ini dapat memberi kesedaran kepada kakitangan Unit Kebudayaan dan Rekreasi menghargai atas jasa, pengorbanan dan sumbangan penggiat seni Perlis memartabatkan seni budaya tempatan. Antaranya dapat mempelajari cara mengendali sesuatu program bagi setiap lantikan ahli jawatankuasa sempena program ini. Selain itu, Program ini juga merupakan salah satu program tanggungjawab sosial universiti (USR) dimana ianya menjadi sebahagian daripada tanggungjawab Unit Kebudayaan dan Rekreasi bagi mencapai matlamat seperti yang dicadangkan didalam KPI jabatan tersebut.
Matematik di Hati	22 dan 23 Sept 2018 (Sabtu dan Ahad) Sek Men Keb Agama (P) Alawiyah Kangar, Perlis	PPK Bioproses dengan kerjasama Sek Men Keb Agama (P) Alawiyah Kangar, Perlis menjalankan tanggungjawab sosial terhadap keperluan komuniti setempat sebagai Universiti Awam yang prihatin dengan mempromosikan STEM dikalangan Pelajar Tingkatan 1 dan 2 Sek Men Keb Agama (P) Alawiyah Kangar dengan memberikan kefahaman kepada pelajar-pelajar tersebut melalui cara pembelajaran abad ke-21. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan motivasi para pelajar.

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI		
PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Program Kayuhan MAIPs Peduli Sempena Titipan Kasih SPRM & UniMAP dan Program Menaiki Bot	23 September 2018 & Kolej Kediaman UniMAP Wang Ulu, Muzium Kota Kayang dan Pangkalan Jeti Tok Kuning	DYTM Tuanku Canselor & Tuanku Pro Canselor berkenan mencemar duli berangkat ke Program Kayuhan MAIPs Peduli Sempena Titipan Kasih SPRM & UniMAP dengan kerjasama SPRM, MAIPs, Tayar Golek Group dan Kelab Memancing Perlis. Turut hadir bersama Ahli-ahli Lembaga Pengurusan Universiti UniMAP, Pegawai Utama & Ketua Jabatan serta Penglibatan Majlis Perwakilan Pelajar Untuk menjalankan tanggungjawab Sosial UniMAP terhadap komuniti sebagai Universiti Awam yang prihatin terhadap keperluan komuniti setempat. Melalui program seperti ini dapat mewujudkan rasa kesedaran serta tanggungjawab sosial dalam kalangan warga UniMAP untuk membantu masyarakat setempat secara sukarela. Di samping meraikan dan memberi sumbangan kepada kumpulan sasaran.
D'Hati MikroE Siri 8: Ramadhan 2018	Sepanjang Bulan Ramadhan 1439H / 2018M - Sekitar Negeri Perlis	Kelab Staf Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Kelab Pelajar PPK Mikroelektronik dengan kerjasama MPP UniMAP, Alumni UniMAP, MPKK KKTAR, MAIPS dan JPN Perlis telah memberi sumbangan derma & zakat daripada pelajar, staf & Alumni UniMAP, Orang Ramai dan MAIPS kepada Komuniti setempat sekitar Pauh Perlis. Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat kesukarelawan dan kerja berpasukan serta sifat saling membantu di kalangan pelajar, staf dan alumni PPK Mikroelektronik UniMAP. Di samping menjalankan tanggungjawab PPK Mikroelektronik UniMAP terhadap kebajikan dan pendidikan komuniti setempat. Mereka telah mengumpul dana dan memberi sumbangan bagi iftar dan moreh pelajar UniMAP serta keperluan harian, Hari Raya dan persekolahan komuniti setempat.
Program CSR dan STEM Institut Kejuruteraan Nano Elektronik	- SK Jalan Raja Syed Alwi (10 September 2018 (Isnin)) - SK Dato' Wan Ahmad (09 Oktober 2018 (Selasa)) di Institut Kejuruteraan Nano Elektornik	Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Syed Alwi, Sekolah Kebangsaan Dato' Wan Ahmad dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis telah mengadakan Program CSR dan STEM Institut Kejuruteraan Nano Elektronik yang bertujuan memberi pendedahan teknologi tercanggih kepada pelajar sekolah. Memberi penerangan berkenaan aplikasi keperluan makmal dan juga penyelidikan. Ini akan memberi lanjutan pengetahuan sains dari sekolah sehingga ke peringkat tertinggi.
Young Environmentalist Camp 2018	3 - 4 Oktober 2018. Putra Brasmana Hotel, Kuala Perlis.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) dengan kerjasama UNESCO-IHP Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Angkatan Pertahanan Awam Negeri Perlis telah menganjurkan Young Environmentalist Camp 2018, di mana Perasmian penutup bagi program ini disempurnakan oleh Prof Madya Dr Foad Sakdan, TNC HEPA, UniMAP. Objektif program adalah untuk meningkatkan kualiti kurikulum terutamanya Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan,
Misi Mengecat Rumah Asnaf En Azmi. Kg Wai	7 Oktober 2018	Program yang dianjurkan oleh PPKSE dengan kerjasama 3rd Force Perlis, 3rd Force UniMAP dan Jabatan HEPA UniMAP untuk membantu masyarakat setempat di Kampung Wai (Asnaf di bawah 3rd Force) dengan menjalankan aktiviti gotong-royong bagi mewujudkan rasa kesedaran serta tanggungjawab sosial dalam kalangan warga UniMAP
Program mengecat Rumah Asnaf dan Program Kitar Semula Kg.Wai	8 Oktober 2018	Kelab Sukarelawan 3rd FORCE HEPA, UniMAP menjalankan tanggungjawab UniMAP terhadap komuniti sebagai Universiti Awam yang prihatin terhadap keperluan komuniti setempat Sekitar Kg.Wai dengan bergotong-royong (mengecat rumah asnaf dan program kitar semula). Pihak NGO 3rd Force turut meraikan dan memberi sumbangan kepada kumpulan sasaran.
Program Counselling & Wellness: Seminar Psikologi Positif 'Lonjakan Akhir Pelajar SPM & STPM 2018 Peringkat Negeri Perlis'	13 Oktober 2018 (Sabtu) Dewan Kuliah 1 & 2, Kompleks Dewan Kuliah, UniMAP Pauh Putra	Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) dengan kerjasama Unit Latihan dan Kompetensi Jabatan Pendaftar, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis, AKRAB Radio Televisyen Malaysia Perlis (RTM), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis (MAIPs), Yayasan UniMAP, Yayasan Kebajikan Perlis dan Pusat Islam UniMAP telah mengadakan Program Counselling & Wellness: Seminar Psikologi Positif Lonjakan Akhir Pelajar SPM & STPM 2018 Peringkat Perlis yang dirasmikan oleh YBhg Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Naib Canselor UniMAP. Program yang berbentuk motivasi iaitu usaha membantu masyarakat Negeri Perlis terutama golongan asnaf bagi membuat persediaan menghadapi peperiksaan SPM dan STPM.
Zero orphan 4.0	20 Oktober 2018 (Sabtu) Pusat Jagaan slam Hidup Matiku, Jitra, Kedah	Program ini diadakan bertujuan mewujudkan rasa kesedaran serta tanggungjawab sosial dalam kalangan warga PPK Bioproses untuk membantu masyarakat setempat secara sukarela. Di samping itu, melalui program USR seperti ini dapat membentuk mahasiswa dan mahasiswi yang prihatin terhadap golongan anak-anak fakir miskin, asnaf dan yatim yang kurang bernasib baik. Sumbangan adalah daripada pihak pelajar dan staf PPK Bioproses.
Program motivasi Sekolah Menengah Kebangsaan Abi, Perlis	24 Oktober 2018	Pusat Sukan UniMAP mengadakan program Motivasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Abi, Perlis yang menasaskan Pelajar lepasan PT3 dengan memberi pendedahan awal tentang sukan untuk para atlit tentang aspek disiplin, kepimpinan dan kemasyarakatan.
Panel Program Planet Sukan TV 1: Kemenjadian Atlet Murid	30 Oktober 2018	Sebagai menjalankan tanggungjawab Pusat Sukan UniMAP dengan kerjasama Sistem Televisyen terhadap komuniti sebagai Universiti Awam yang prihatin terhadap keperluan Semua atlit sekolah sukan malaysia dan sekolah sukan negeri. Mewujudkan rasa tanggungjawab dan pendedahan awal untuk para atlit tentang aspek disiplin, kepimpinan dan kemasyarakatan.



PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI		
PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Program Motivasi Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Seraya Ampang, Selangor	31 Oktober 2018	Pusat Sukan UniMAP mengadakan program Motivasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Seraya Ampang, Selangor yang bertujuan memberi pendedahan awal untuk para atlet tentang aspek disiplin, kepimpinan dan kemasyarakatan.
Aktiviti Gotong-Royong	10 November 2018 Tasik Melati, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP Menyumbang tenaga bagi menceriaan lagi kawasan beli belah di Padang Besar.
Kempen Kesedaran Keselamatan & Kesihatan di Sekolah	08 November 2018 (Khamis), bertempat di SMK Agama (perempuan) Kangar 14 November 2018 (Rabu), bertempat di SK IPGM, Kangar	Program anjuran Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kepada pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah (30 orang peserta) yang bertujuan memastikan pengetahuan berkenaan aspek keselamatan dan kesihatan serta fasiliti di sekolah berada pada tahap yang terbaik
Klinik Sukan Olahraga Sekolah Menengah Kebangsaan Ringlet, Cameron Highland.	14 & 15 November 2018	Pusat Sukan UniMAP dan Jabatan Pendidikan Daerah Cameron dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ringlet menjalankan tanggungjawab Sosial UniMAP terhadap komuniti sebagai Universiti Awam yang prihatin terhadap keperluan komuniti setempat. Sasaran program ini adalah Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ringlet dengan memberi pendedahan awal untuk para atlet tentang aspek disiplin, kepimpinan dan kemasyarakatan.
Sukarelawan Mural	17 November 2018 Padang Besar, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP membantu menaiktaraf dan menceriaan persekitaran sekolah.
Projek Taman Recycle	24 November 2018 Sek. Keb. Panggau, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP merakam video dokumentari mengenai Whimsical House.
Kempen Menderma Darah	Berkala sepanjang tahun	Pusat Kesihatan UniMAP dengan kerjasama Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis menjalankan Kempen Derma Darah yang turut melibatkan pelajar-pelajar di Kolej Kediaman sekitar Kampus UniMAP, Pauh Putra. Objektif kempen ini adalah untuk menyalurkan bantuan unit darah yang akan digunakan oleh hospital. Di samping dapat Menyemai sikap staf dan siswa prihatin kepada keperluan masyarakat.
Kelas Mengaji Al-Quran untuk anak-anak Istimewa (KEMANIS)	Sepanjang tahun (Jan-Dis) & Hub A-HEART	Program anjuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra UniMAP dengan kerjasama Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) Membantu anak-anak istimewa (autisme) untuk mempelajari ilmu berkaitan Al-Quran dan Meningkatkan perkembangan sosial Anak-anak istimewa (autisme) kakitangan UniMAP dan masyarakat wilayah utara. Melalui komunikasi dan interaksi di antara mereka dan memberi pendedahan praktikal mengenai amali solat dan berwuduk.
Sesi terapi A-HEART	Sepanjang tahun (Jan-Dis) & Senze for Minz Therapy Centre	Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra UniMAP dengan kerjasama Senze for Minz Therapy Centre membantu Anak-anak istimewa (autisme) dibawah program A-HEART mengurangkan pelbagai kekurangan deria yang dihadapi oleh kanak-kanak autisme dan membantu untuk meningkatkan kapasiti sosialisasi di dalam kehidupan mereka.
Kelas Mengaji Al-Quran untuk anak-anak Istimewa (KEMANIS)	Sepanjang tahun (Jan-Dis) & Hub A-HEART	Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, UniMAP dengan kerjasama Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) mengadakan Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) dengan membantu anak-anak istimewa (autisme) kakitangan UniMAP dan masyarakat Wilayah Utara untuk mempelajari ilmu berkaitan Al-Quran bagi meningkatkan perkembangan sosial anak-anak autisme melalui komunikasi dan interaksi diantara mereka serta memberi pendedahan praktikal mengenai amali solat dan berwuduk.

PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL		
PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Khidmat Masyarakat di Sekolah Kebangsaan Kayang	10 Januari 2018. Sekolah Kebangsaan Kayang	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) mengadakan program khidmat masyarakat bersama Pelajar-pelajar SK Kayang melalui penghasilan Vermikompos/Penghasilan Vermikompos
Bengkel Guru Fizik Kedah	13 Mac 2018 (Selasa) PPD Kota Star, Alor Star, Kedah - Zon Utara 25 Mac 2018 (Ahad) PPD Kuala Muda/ Yan, Sg. Petani, Kedah - Zon Selatan	Institut Matematik Kejuruteraan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Kedah telah mengadakan Bengkel Guru Fizik yang bertujuan untuk membantu pihak sekolah dalam permasalahan PnP subjek Fizik melalui kepakaran yang ada di Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) UniMAP. (ii) Berbicang berkenaan isu-isu pendidikan terutamanya yang melibatkan isu pendidikan S.T.E.M.
Penghasilan kompos dari sisa makanan kpd Guru dan Pelajar SMK Sri Muda, Penaga	13 Mac 2018	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) mengadakan program bersama SMK Sanglang yang mensasarkan Pelajar & Guru SMK Sri Muda dan pendidikan Khas SMK Sanglang dalam Penghasilan kompos menggunakan Teknik Takakura

PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL		
PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Bengkel Guru Fizik dan Matematik Perlis	31 Mac 2018 (Sabtu) IMK UniMAP	Bengkel Guru Fizik dan Matematik Perlis anjuran Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) dengan kerjasama JPN Perlis dan Sekretariat STEM UniMAP adalah untuk membantu pihak sekolah dalam permasalahan PnP subjek Fizik dan Matematik melalui kepakaran yang ada di IMK UniMAP. Melalui bengkel ini perbincangan berkenaan isu-isu pendidikan terutamanya yang melibatkan isu pendidikan S.T.E.M. juga dibentangkan. Dengan harapan kerjasama yang lebih erat dan berterusan antara UniMAP dan pihak sekolah dalam hal ehwal akademik.
Program Pi (p) Memorization Competition Perlis 2018 (Program Menghafal Nombor Pi)	28 April 2018 (Sabtu) PPK Mekatronik, UniMAP Kampus Pauh Putra	Program anjuran Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) dengan kerjasama Yayasan Tuanku Syed Putra, JPN Perlis, Sekretariat STEM UniMAP dan IMK Postgraduate Club diadakan bertujuan untuk memupuk minat Matematik terhadap pelajar-pelajar Sekolah Menengah di sekitar Negeri Perlis dalam menghargai simbol-simbol Matematik terutamanya Pi (p) yang sering digunakan dalam pengiraan Matematik, Sains, Kejuruteraan dan Teknologi. Di samping itu juga, dapat mencungkil bakat kebolehan menghafal susunan digit tak rasional p yang tak terhingga. Harapan di masa hadapan adalah dengan adanya program seperti ini dapat menasaskan lebih ramai rakyat Malaysia tersenarai di dalam 'Pi World Ranking List'. DYTm Tuanku Raja Puan Muda Perlis berangkat bercemar duli ke program ini dan turut hadir bersama YBhg. Naib Canselor UniMAP, Pegawai Utama dan Ketua Jabatan UniMAP.
Program Sukarelawan Mobiliti UniMAP - Thaksin University	28 Julai 2018 Hingga 11 Ogos 2018, Pat Bara, Satun, Thailand	Program Sukarelawan Mobiliti UniMAP, HEPA dengan kerjasama Thaksin University, Thailand bertujuan memberi kesedaran dan pendidikan awal subjek Bahasa Inggeris kepada murid sekolah di Satun, Thailand. Program ini turut melibatkan Pelajar Sukarelawan UniMAP dan 4 orang Sukarelawan dari Thaksin Universiti Thailand
Bengkel Guru Fizik dan Matematik Pulau Pinang	06 September 2018 (Khamis) di Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Pinang	Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Bengkel Guru Fizik dan Matematik yang bertujuan membantu pihak sekolah dalam permasalahan PnP subjek Fizik dan Matematik melalui kepakaran yang ada di IMK UniMAP. Antara aktiviti diadakan adalah bherbincang berkenaan isu-isu pendidikan terutamanya yang melibatkan isu pendidikan S.T.E.M dan juga memastikan kerjasama yang lebih erat dan berterusan antara UniMAP dan pihak sekolah dalam hal ehwal akademik.
Khidmat Masyarakat di Sekolah Kebangsaan Putra	12 September 2018. Sekolah Kebangsaan Putra	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) mengadakan program khidmat masyarakat bersama Pelajar-pelajar SK Putra, Kangar melalui penghasilan Vermikompos
Program Khidmat Masyarakat CoEBU UniMAP bersama Kelab Alam Sekitar Sek Keb Kayang, Perlis	10 Oktober 2018 (Rabu) Sek Keb Kayang, Perlis	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses dengan kerjasama Sek Keb Kayang menasaskan Ahli Kelab Alam Sekitar Sek Keb Kayang dengan memberi pendedahan dan kesedaran untuk memelihara alam sekitar dengan cara mengitar semula sisa buangan untuk dijadikan baja. Meningkatkan kesedaran mengenai manfaat menggunakan baja organik untuk menyuburkan tanah dan tanaman. Dihadiri bersama oleh Guru Besar Sek Keb Kayang, Perlis.
STEM @ Perlis and Beyond (Green Energy Lab @ SRIAZ)	Sepanjang Tahun 2018 mulai Julai 2018 - ekolah Rendah Islam Al-Azhar Arau Perlis	Suatu inisiatif mempromosikan dan meningkatkan minat terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di kalangan pelajar sekolah rendah oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik Universiti Malaysia Perlis . Manakala Green Energy Lab adalah kerjasama 3 hala antara PPK Mikroelektronik, Sekolah Rendah Islam Al Azhar (SRIAZ Aau, Perlis) dan Brainet (M) Sdn. Bhd. Staf dan pelajar PPK Mikroelektronik telah diberi kepercayaan untuk membimbing aktiviti STEM dan Green Energy Lab ini yang diadakan secara berkala sepanjang tahun mulai Julai 2018.
Bengkel Micro:Bit - Makerspace UniMAP	30 November 2018, Perpustakaan Syed Faizuddin Putra	Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis telah menganjurkan Bengkel Microbit - Makerspace UniMAP dengan jayanya. Objekti Bengkel ini adalah untuk melatih para pelajar berupayaan mereka dan berinovatif menghasilkan produk yang berasaskan pengaturcaraan. Malahan dapat membentuk minat para pelajar terhadap pengaturcaraan dan kejuruteraan komputer/perhubungan. Bengkel ini turut berangkat DYTm Tuanku Canselor dan Tuanku Pro Canselor, hadir bersama YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Tuan Haji Aisharuddin bin Nuruddin, Pengarah Kanan, Bahagian Teknologi dan Masyarakat, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Encik Mohd Farid Zainal Abidin , CEO, Elvira System Sdn. Bhd. , Ketua Jabatan dan Dekan serta Penglibatan pelajar tahun 3 RK93 dan RK93 PPKKP.
Program Siri Ceramah The Beauty of Physics & Mathematics	Telah dilaksanakan dari tahun 2016 hingga kini (sekitar lebih 90 siri ceramah telah dilaksanakan dan melibatkan sekitar lebih 300 buah sekolah di seluruh Malaysia	Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) menganjurkan Program Siri Ceramah The Beauty of Physics & Mathematics bagi memperlihatkan Keindahan dan Keluasan Bidang Fizik dan Matematik di luar silibus subjek sekolah, serta untuk mempromosikan bidang Sains Fundamental dan Matematik di kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Perlis, khususnya.
Pengajar Subjek Bahasa Inggeris Tahun 6 UPSR 2018	Seminggu sekali sepanjang tahun 2018. SK Sena	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) menyediakan kepakaran tenaga pengajar bagi Subjek Bahasa Inggeris kepada Pelajar tahun 6, UPSR 2018 Sekolah Rendah Kebangsaan Sena, Kangar . Objektif program ini adalah memupuk minat terhadap Bahasa Inggeris dikalangan pelajar Sekolah Rendah. dan Sebagai persediaan menghadapi UPSR 2018.





Kelas Bahasa Inggeris



Program Based Learning - Pembuatan Baja Kompos Pendidikan Khas SMK Sanglang



Kem Pemimpin Muda Prihatin Kebangsaan Zon Utara



Program Khidmat Masyarakat CoEBU UniMAP bersama Kelab Alam Sekitar Sek Keb Kayang, Perlis



Young Environmentalist Camp (YEC) 2018





Program Kecemerlangan UPSR 2018



Program "Learn Science and Have Fun"



Program Khidmat Masyarakat CoEBU UniMAP bersama Kelab Alam Sekitar Sek Keb Putra



Matematik di Hati



Zero Orphan 4.0